

08 MAR 2002

Mahathir-Singapura

MALAYSIA MAHU JAMINAN SINGAPURA MENGENAI TEBUS GUNA TANAHNYA

SIK, 8 Mac (Bernama) -- Malaysia mahukan jaminan Singapura bahawa tindakannya menebus guna tanah di wilayahnya tidak akan menjejaskan sempadan garisan laut terdalam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata jaminan itu perlu kerana garisan laut terdalam itu penting untuk pelayaran kapal.

Walaupun Singapura mempunyai hak untuk menebus guna tanah di wilayahnya, ia boleh menjejaskan garisan laut dalam dan memberi kesan kepada pelayaran kapal, katanya.

"Singapura perlu mengambil kira faktor-faktor ini", kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri majlis ramah mesra dengan rakyat di padang awam Sik di sini.

Dr Mahathir berkata Kementerian Luar sedang berusaha untuk mendapatkan jaminan itu daripada Singapura.

Beliau berkata Kementerian Luar sudah memanggil Pesuruhjaya Tinggi Singapura untuk menyampaikan rasa tidak senang hati negara ini berhubung perkara itu.

Dr Mahathir berkata Singapura belum lagi memberi maklumat balas mengenai isu itu setakat ini.

Ketika ditanya sama ada tindakan Singapura itu akan menjejaskan kemasukan kapal ke Pelabuhan Pasir Gudang di Johor, beliau berkata beliau tidak fikir begitu.

Ditanya lagi sama ada kes itu akan dirujuk kepada Mahkamah Keadilan Antrabangsa beliau berkata: "Ia belum sampai ke tahap itu. Malaysia dan Singapura masih ada kes tuntutan ke atas Pulau Batu Putih di mahkamah itu sekarang".

Ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong kononnya rakyat Malaysia memberikan reaksi berlebihan berhubung isu itu, Dr Mahathir berkata walaupun ia (tebus guna) berlaku di Singapura, ia mempunyai kesan kepada garis laut terdalam dan negara ini.

-- BERNAMA

JM NMO